

The Ethnic Disability Advocacy Centre (EDAC) adalah suatu perkhidmatan dasar masyarakat untuk orang-orang keturunan berbilang kebudayaan yang cacat, keluarga/pembantu peribadi kesihatan dan teman-teman mereka. EDAC boleh menyediakan untuk anda kedua-dua perkhidmatan nasihat, rasehat cara berindividu dan sistematik, serta juga perkhidmatan-perkhidmatan maklumat, rangkaian (networking) dan latihan.

Menasehat (Advocacy)

Kami boleh membantu anda dalam menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan dibidang kecacatan, budaya berbilang bangsa, undang-undang, pendidikan, pekerjaan, kebajikan, rawatan kesihatan dan bantuan peribadi kesihatan. Kami juga boleh menolong dalam masalah-masalah anda yang berkaitan dengan jabatan-jabatan kerajaan termasuk sistem Pengadilan, Homeswest, Centrelink dan Imigresen. Diperengkat sistematik, EDAC mengadakan rundingan tertentu (lobby) dengan kerajaan-kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan penting tentang isu-isu kebudayaan berbilang rupa dan kecacatan untuk melahirkan suatu suasana yang lebih baik bagi orang-orang dari berbilang kebudayaan yang cacat serta keluarga-keluarga mereka itu.

Maklumat, rangkaian (network) dan rujukan

EDAC berkongsi suatu rangkaian (network) dengan kumpulan-kumpulan masyarakat dan perkhidmatan yang lain-lain yang berminat dalam usaha menyokong orang-orang yang cacat dari berbilang kebudayaan. Kami menggunakan rangkaian (network) ini untuk memberikan kepada anda dengan maklumat tentang hak penggunaan perkhidmatan bagi anda dan menyediakan untuk anda dengan laporan-laporan terkini mengenai acara-acara dan aktibiti-aktibiti yang berlaku dikalangan masyarakat setempat berbilang kebudayaan. Kami juga menggunakan rangkaian (network) kami ini untuk tujuan-tujuan rujukan, bagi memastikan bahasa anda ada dihubungkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang sesuai dengan diri anda itu.

Sokongan

EDAC mengelolakan kumpulan-kumpulan bersokong di pejabat mereka dan akan menyediakan sebuah tempat meshuarat kepada orang-orang berbilang kebudayaan yang mengalami kecacatan, keluarga-keluarga dan teman-teman mereka untuk bertemu-mesra dan berhubungan antara satu dengan yang lain.

Hubungi kami

Kami dibuka pada hari Isnin hingga Juma'at dari 9 pagi hingga 5 petang di No.320 rokeby Road, Subiaco, WA. Harap talipun 9388 7455 atau panggilan percuma (luar bandar) 1800 659 921 untuk bercakap dengan kami. Perkhidmatan kami adalah percuma. Ingat kepada kami bila anda memerlukan bantuan mengenai isu-isu kecacatan.

Sakiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan kami ini dalam lain bahasa, harap menalipun pejabat kami dan meminta kami supaya mendapatkan seorang jurubahasa talipun TIS bercakap dalam talipun itu. Terima kasih.